

### PENGANALISISAN DATA

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan secara menyeluruh dan terperinci mengenai penganalisisan data kajian ini. Pengkaji telah menganalisis lirik lagu-lagu Tamil tempatan untuk mengetahui tahap-tahap percampuran dan penukaran kod yang terdapat di dalamnya dan mengkaji jenis-jenis bahasa yang sering ditukarkodkan. Selain itu, data yang diperoleh melalui temu bual yang diadakan dengan para penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan dianalisis untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya percampuran dan penukaran kod dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan. Data yang dikumpul melalui borang soal-selidik juga dianalisis untuk mengetahui pandangan dan pendapat para pendengar dan peminat lagu-lagu Tamil tempatan mengenai fenomena percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

#### 4.1 Penganalisisan Lirik Lagu

Pengkaji telah menganalisis kekerapan percampuran dan penukaran kod pada tahap kata, frasa, kalusa dan ayat serta jenis bahasa yang digunakan dalam setiap lirik lagu seperti berikut:-

##### 4.1.1 Kekerapan Percampuran dan Penukaran Kod dalam Lirik Lagu-Lagu Tamil Tempatan Pada Tahap Kata, Frasa, Klausa dan Ayat serta Kekerapan Jenis Bahasa Asing yang Ditukarkodkan

Sebanyak 65 buah lagu Tamil tempatan yang terkandung dalam '*ni:nka:ta nencil; Vioce Of mannin maintarkal 2010*, edisi ke-4 (MP3)' dijadikan sumber kajian ini. Daripada 65 buah lagu, sebanyak 54 buah (83.0%) lagu didapati mempunyai penukaran dan percampuran kod di dalam liriknya. Yang selebihnya tidak

mengandungi apa-apa percampuran bahasa. Sebaliknya lirik lagu-lagu tersebut didapati menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya. Oleh itu, pengkaji telah memilih 54 buah lirik lagu-lagu yang mengandungi percampuran dan penukaran kod sebagai data utama kajian ini.

Setiap lagu ini diberi kod oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan perkataan awal dalam lirik tersebut. Ini kerana terdapat lagu yang mempunyai tajuknya sendiri dan terdapat pula yang tidak diberi tajuk. Kod ini membantu pengkaji mengenal pasti lirik lagu-lagu dengan mudah. Senarai lagu boleh dilihat dalam Lampiran VI. Berikut adalah analisis terperinci mengenai kekerapan penukaran kod pada peringkat kata, frasa, klausa dan ayat serta bahasa yang ditukarkodkan.

**Jadual 4.1 Kekerapan Percampuran kod Yang Berlaku Pada Tahap Perkataan, Frasa, Klausa dan Ayat Dalam Lirik Lagu-lagu Tamil Tempatan Serta Kekerapan Bahasa Asing Yang Ditukarkodkan**

| Tahap Percampuran | Jenis Bahasa       |                  |                  | Jumlah            |
|-------------------|--------------------|------------------|------------------|-------------------|
|                   | Bahasa Inggeris    | Bahasa Melayu    | Lain-lain Bahasa |                   |
| Perkataan         | 145                | 20               | -                | 165 (41.0%)       |
| Frasa             | 125                | 13               | -                | 138 (35.0%)       |
| Klausa            | 4                  | -                | -                | 4 (1.0%)          |
| Ayat              | 87                 | 1                | 2                | 90 (23.0%)        |
| <b>Jumlah</b>     | <b>361 (90.9%)</b> | <b>34 (8.6%)</b> | <b>2 (0.5%)</b>  | <b>397 (100%)</b> |

Jadual 4.1 menjelaskan kekerapan percampuran kod yang berlaku pada tahap-tahap perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Daripada analisis ini dapat disimpulkan bentuk percampuran kod yang paling kerap berlaku adalah pada tahap perkataan. Secara keseluruhannya kekerapan yang berlaku pada peringkat perkataan adalah sebanyak 165 (41.0%). Dapatan kajian juga menunjukkan

kekerapan percampuran kod semakin menurun pada tahap-tahap frasa, ayat dan klausa. Misalnya, kekerapan percampuran kod pada tahap frasa adalah sebanyak 138 (35.0%). Manakala, kekerapan percampuran kod pada tahap ayat adalah sebanyak 90 (23.0%) dan pada tahap klausa pula adalah sebanyak 4 (1.0%) sahaja.

Jadual 4.1 juga menerangkan tentang bahasa asing yang ditukarkodkan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Melalui jadual ini, pengkaji telah menunjukkan jumlah kekerapan kesemua tahap kata, frasa, klausa dan ayat mengikut jenis bahasa asing yang terlibat dalam percampuran kod.

Jika meneliti Jadual 4.1, didapati bahasa asing yang paling kerap digunakan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan ialah bahasa Inggeris. Biasanya bahasa Inggeris dikatakan bahasa yang boleh meninggikan status dan prestij seseorang yang menggunakannya (Thanga Maniam, 1983). Menurut Thanga Maniam (1983), seseorang yang berpendidikan tinggi menganggap masyarakat akan berpandang tinggi terhadap mereka yang berkebolehan menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan mahupun penulisan.

Daripada kajian yang dilakukan, didapati 145 perkataan, 125 frasa, 87 ayat dan 4 klausa telah ditukarkodkan kepada bahasa Inggeris. Manakala bagi bahasa Melayu pula didapati 20 perkataan, 13 frasa dan 1 ayat telah ditukarkodkan. Ini jelas membuktikan bahawa penulis-penulis lirik lagu Tamil tempatan lebih kerap memilih bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Bahasa Inggeris paling banyak digunakan pada peringkat perkataan. Bahasa lain yang paling banyak digunakan selepas bahasa Inggeris ialah bahasa Melayu. Percampuran Bahasa Melayu pula hanya berlaku dalam

peringkat perkataan dan frasa sahaja. Percampuran kod dalam bahasa-bahasa lain, selain bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, sangat kurang penggunaannya dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang telah dikaji. Terdapat sebuah lirik lagu Tamil tempatan sahaja yang mempunyai percampuran kod dalam bahasa Hindi. Liriknya mempunyai percampuran kod dalam pada peringkat ayat sahaja sebanyak 2 kali.

#### **4.1.2 Penganalisan Tahap-Tahap Percampuran Dan Penukaran Kod**

Dalam data kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti bahawa percampuran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan telah berlaku pada empat tahap, iaitu pada tahap perkataan, frasa, klausa dan ayat. Percampuran pada tahap perkataan, frasa dan klausa dilihat dalam sesuatu ayat yang tertentu (*intra-sentential*), manakala, percampuran pada tahap ayat pula dikaji di antara ayat (*inter-sentential*). Dalam erti kata lain, percampuran pada tahap beberapa ayat ini juga disebut sebagai penukaran atau pengalihan kod (Valdes-Fallis, 1978). Pengkaji akan memberi beberapa contoh lirik lagu-lagu yang melibatkan tahap-tahap tersebut.

##### **4.1.2.1 Kekekapan Percampuran Kod Yang Melibatkan Bahasa Inggeris**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan lirik lagu-lagu Tamil tempatan mencampurkan bahasa Inggeris. Jadual 4.2 dapat menunjukkan kekerapan percampuran kod bahasa Inggeris pada tahap kata, frasa, klausa dan ayat serta bilangan lirik lagu-lagu.

**Jadual 4.2 Kekeperan Percampuran Kod Bahasa Inggeris Pada Tahap Kata, Frasa, Klausa dan Ayat serta Bilangan Lirik Lagu**

| <b>Tahap Percampuran</b> | <b>Kekeperan</b>  | <b>Bilangan Lirik Lagu</b> |
|--------------------------|-------------------|----------------------------|
| Kata                     | 145 (40.0%)       | 32 (59.0%)                 |
| Frasa                    | 125 (35.0%)       | 24 (44.4%)                 |
| Klausa                   | 4 (1.0%)          | 3 (5.6%)                   |
| Ayat                     | 87 (24.0%)        | 32 (59.0%)                 |
| <b>Jumlah</b>            | <b>361 (100%)</b> | <b>-</b>                   |

**i. Kekeperan Percampuran Kod pada Tahap Perkataan yang Melibatkan Bahasa Inggeris**

Penganalisan data kajian (Jadual 4.2) menunjukkan bahawa kebanyakan kata yang dicampurkan melibatkan bahasa Inggeris iaitu sebanyak 145 kali (40.0%), dan percampuran kod pada peringkat kata ini telah berlaku dalam 32 buah (59.0%) lirik lagu. Berikut adalah contoh-contoh lirik yang mengandungi percampuran kod peringkat perkataan:

**Contoh dari LL21**

|  |
|--|
| <p><i>Shopping</i> தேடி தேடி <i>tension</i> ஆயாச்சி<br/> <i>Parking</i> தேடி தேடி <i>parking</i> கிடச்சாச்சி<br/> <span style="float: right;">(LL21)</span></p> <p><u>Transkripsi:</u><br/> <i>Shopping</i> te:ti-te:ti <i>tension</i> a:ya:cci,<br/> <i>parking</i> te:ti-te:ti, <i>parking</i> kitaccaci<br/> <span style="float: right;">(LL21a)</span></p> |
|--|

Dalam contoh lirik di atas terdapat tiga perkataan yang dicampurkan dengan menggunakan bahasa Inggeris iaitu *shopping*, *parking* dan *tension*.

## Contoh dari LL4

*Metal* இது நல்ல *rock* இது  
இங்க *dance* ஆட *chance* ஆனது  
*chat* பண்ணவா இல்ல *date* பண்ணவா  
இந்த *love storey create* பண்ணவா  
(LL4)

Transkripsi:  
*Metal* itu nalla *rock* itu,  
inka *dance* a:ta *chance* a:natu,  
*chat* pannava: illa *date* pannava:,  
inta *love storey create* pannava:.  
(LL4a)

Lirik lagu di atas pula menunjukkan bahawa hampir setiap baris mempunyai perkataan Inggeris iaitu *metal, rock, dance, chance, chat, date* dan *create*.

## ii. Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Frasa yang Melibatkan Bahasa Inggeris

Penganalisan data membuktikan bahawa kebanyakan lirik lagu diselitkan dengan bahasa Inggeris pada tahap frasa. Daripada 54 lirik lagu, didapati sebanyak 24 buah (44.4%) lagu mempunyai percampuran kod pada tahap frasa dalam bahasa Inggeris. Kekerapan percampuran kod pada tahap frasa yang melibatkan bahasa Inggeris adalah sebanyak 125 kali (35.0%) (Jadual 4.2). Contoh-contoh liriknya adalah seperti berikut:

## Contoh dari LL20

நம்ப கம்பத்துல ஆட்டுக்குட்டி எல்லாம் தல தெறிக்க ஓடுது,  
சாவடியான ஆட்டுக்குட்டி பள பள பளனு மினுக்குது,  
உன் கண் *power-u* நீ *super figure-u*  
என்ன கலக்கி குலுங்கி குலுங்க வைத்த *hot shower-u*  
(LL20)

Transkripsi:  
nampa kampfattula a:ttukutti ellam tala terikka o:tutu,  
ca:vatiya:na a:ttu kutti palappalappalanu minukkutu, 2x  
un kan *power-u*, ni: *super figure-u*,  
enna kalakki kulunki kulunka vaitta *hot shower-u*  
(LL20a)

Dalam petikan lirik di atas *super figure* dan *hot shower* adalah frasa bahasa Inggeris yang dicampurkan.

#### Contoh dari LL22

தோள் கொடுக்கும் தோழன் என்றால்  
இன்று தோள் மேல ஏறி நின்று  
*ballet dance* ஆடுறான்  
(LL22)

Transkripsi:  
to:lkotukkum to:lan enra:l  
inru to:l me:la e:ri ninru  
*ballet dance* a:tura:?  
(LL22a)

Dalam lirik di atas *ballet dance* adalah frasa bahasa Inggeris.

### iii. Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Klausa yang Melibatkan Bahasa Inggeris

Daripada penganalisan data (Jadual 4.2), didapati percampuran kod bahasa Inggeris pada tahap klausa tidak banyak berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Ia hanya berlaku sebanyak 4 kali (1.0%) sahaja dalam data yang dikaji. Berikut adalah contoh percampuran kod bahasa Inggeris pada tahap klausa.

#### Contoh dari LL23

நான் தான் உன் காதலன், *it's the man with the master plan, yeh...*  
காதலிக்கிற பையா பையா என் கிட்ட வாடா வாடா  
(LL23)

Transkripsi:  
na:n ta:n un ka:talan, *it's the man with the master plan, yeh...*  
ka:talikkira paiya: paiya: en kitta va:ta: va:ta:  
(LL23a)

Dalam contoh di atas, '*it's the man with master plan*' adalah klausa Inggeris yang dicampurkan.

### Contoh dari LL25

நான் சொல்வதை கொஞ்சம் கேட்டுக்கோ  
*music once in our blood and in our soul*

(LL25)

Transkripsi:

na:n colvatai koncam ke:ttukko:

*music once in our blood and in our soul*

(LL25a)

Dalam petikan lirik di atas '*music once in our blood and in our soul*' adalah klausa Inggris yang dicampurkan.

#### iv. **Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Ayat yang Melibatkan Bahasa Inggris**

Kajian mendapati (Jadual 4.1) secara keseluruhannya percampuran kod pada peringkat ayat berlaku sebanyak 90 kali (23.0%) dalam lirik yang dianalisis sebagai data kajian ini. Dalam pada itu, Percampuran kod Inggris berlaku sebanyak 87 kali. Ini bererti 96.7% daripada 90 percampuran kod pada tahap ayat melibatkan bahasa Inggris. Percampuran tahap ayat ini dilihat dalam '*intra-sentential*'. Kebanyakan lirik lagu Tamil tempatan yang dikaji telah dicampurkan dengan bahasa Inggris. Di bawah ini pengkaji memaparkan beberapa contoh lirik yang memperlihatkan percampuran kod mengikut bahasa.

### Contoh dari LL11

நரக வாழ்க்கை எனக்கு வேண்டாம் அன்பே  
என் கண்களில் கண்ணீர் கொட்டியதாரோ இல்லையே  
*u use tell me the term up and down*

என் வெற்றிக்கு முன்பே காதல் தோல்வி தந்தாய்

(LL11)

Transkripsi:

Narega va:lkai enakku ve:nta:m anpe:,

en kankalil kanni:r kottiyeta:ro: yillaiye:

*u use tell me the term up and down*

en verrikku munpe: ka:tal to:lvi tanta:i

(LL11a)



Dalam contoh lirik di atas, ayat bahasa Inggeris ' *you use tell me the term up and down*' telah dicampurkan sepenuhnya sebelum dan selepas ayat bahasa Tamil.

#### Contoh dari LL12

|  |
|--|
| <p>ஆரம்பம் இனி தொடரும்<br/>கனவுகள் நிஜமாகும் நேரம்<br/><i>Feel the heat, through the bass</i><br/>வெற்றி கொடி பறக்கும் நேரம்<br/>(LL12)</p> <p><u>Transkripsi:</u><br/>a:rampam <u>i</u>ni tota<u>r</u>um,<br/>ka<u>n</u>avukal nicamma:kum ne:ram,<br/><i>Feel the heat, through the bass,</i><br/>ve<u>r</u>ri koti pa<u>r</u>akkum ne:ram<br/>(LL12a)</p> |
|--|

Dalam contoh lirik di atas, ayat bahasa Inggeris '*Feel the heat, through the bass*' telah dicampurkan sepenuhnya sebelum dan selepas ayat bahasa Tamil.

#### 4.1.2.2 Kekekapan Percampuran Kod Yang Melibatkan Bahasa Melayu

Penganalisan data mendapati bahawa bahasa asing kedua banyak yang dicampurkan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan ialah bahasa Melayu. Jadual berikut menunjukkan kekekapan percampuran kod bahasa Melayu pada peringkat unsur-unsur tatabahasa dan bilangan lirik lagu.

**Jadual 4.3 Kekekapan Percampuran Kod Bahasa Melayu Pada Tahap Unsur-unsur Tatabahasa dan Bilangan Lirik Lagu**

| Tahap Percampuran | Kekekapan        | Bilangan Lirik Lagu |
|-------------------|------------------|---------------------|
| Kata              | 20 (59.0%)       | 13 (24.0%)          |
| Frasa             | 13 (38.0%)       | 6 (11.0%)           |
| Klausa            | - (0.0%)         | - (0.0%)            |
| Ayat              | 1 (3.0%)         | 1 (3.8%)            |
| <b>Jumlah</b>     | <b>34 (100%)</b> | -                   |

**i. Kekerapan Percampuran Kod pada Tahap Perkataan yang Melibatkan Bahasa Melayu**

Percampuran kod peringkat perkataan yang melibatkan bahasa Melayu tidak begitu banyak didapati dalam sampel-sampel kajian ini (Jadual 4.3). Terdapat 13 buah (24.0%) lagu mengandungi percampuran kod dalam bahasa Melayu pada peringkat perkataan. Terdapat sebanyak 20 patah perkataan bagi kategori ini dalam data kajian. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

**Contoh dari LL2**

*Gaduh* வேணாண்டா, அடிதடி போட வேணாண்டா  
கத்தி வேணாண்டா அன்னைக்கே புத்தி சொன்னான் டா  
என்ன அடிச்சாக்க குத்தி அடிப்பேன் டா  
குத்தி அடிச்சாக்க சொல்லி அடிப்பேன் டா  
வேணாண்டா வீண் வம்பு

(LL2a)

Transkripsi:

*Gaduh* ve:na:nta, atitati po:ta ve:na:nta:  
katti ve:na:nta: annaikke: putti conna:ṅ ta:  
enna aticca:kka:, kutti atippe:ṅ ta:  
kutti aticca:kka: colli atippe:ṅ ta:,  
ve:na:nta: vi:n vampu

(LL2a)

Terdapat satu perkataan bahasa Melayu dalam lirik lagu di atas iaitu *gaduh*. Perkataan ini telah digunakan berulang kali dalam lagu tersebut.

**Contoh dari LL9**

ஆடும் மக்க எல்லாம்,  
நம்ம கூட்டாளிங்க  
*kiri kanan* எல்லாம் நம்ம *kawan*னுங்க

(LL9)

Transkripsi:

a:tum makka ella:m,  
namma ku:ttalinka,  
*kiri kanan* ella:m namma *kawannunka*

(LL9a)

Perkataan yang dicampurkan dalam lirik di atas ialah *kawan*.

ii. **Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Frasa yang Melibatkan Bahasa Melayu**

Daripada penganalisisan data didapati sebanyak 6 buah (11.0%) lagu Tamil tempatan telah dicampurkan liriknyanya dengan bahasa Melayu pada peringkat frasa iaitu sebanyak 13 kali sahaja (Jadual 4.3). Berikut adalah beberapa contoh lirik yang mengandungi percampuran kod pada peringkat frasa:

**Contoh dari LL19**

உன் புன்னகை காண வேண்டும் நான் *tiap-tiap hari*  
உன் உடலை போத்தி வரும் *baju-baju kebaya*,  
என்னிடம் நெருங்கி நீ சிலுமிஷம் செய்ய வா  
(LL19)

Transkripsi:

u<sub>n</sub> pun<sub>n</sub>akai ka:na ve:ntum na:n *tiap-tiap hari*,  
u<sub>n</sub> utalai po:tti varum *baju-baju kebaya*,  
ennitam nerunki ni: cilumicam ceiya va:  
(LL19a)

Dalam lirik di atas, *tiap-tiap hari* dan *baju-baju kebaya* ialah frasa yang dicampurkan dalam bahasa Melayu.

**Contoh dari LL10**

வாழ்க்கையோட பாதையெல்லாம் *kiri kanan*  
நீ வந்த வழி மறந்திடாத *kiri kanan*  
(LL10)

Transkripsi:

va:l<sub>k</sub>aiyo:ta pa:taiyella:m *kiri kanan*,  
ni: vanta val<sub>i</sub> marantuta:ta *kiri kanan*,  
(LL10a)

Frasa *kiri kanan* telah berulang-ulang pada kebanyakan ayat dalam lirik lagu tersebut.

### iii. **Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Ayat yang Melibatkan Bahasa Melayu**

Kajian mendapati (Jadual 4.3) percampuran kod pada tahap ayat yang melibatkan bahasa Melayu berlaku hanya sekali dalam sebuah lirik sahaja. Percampuran peringkat ayat ini dilihat dalam 'intra-sentential'. Contoh liriknya adalah seperti di bawah:

#### **Contoh dari LL1**

|  |
|--|
| <p>50 குடுத்தேன் பத்தலனு சொன்னான்<br/>களையும் குடுத்தேன்<br/><i>Road bloke sarjen</i> சொன்னான்<br/><b><i>janganlah pandu ketika mabuk</i></b><br/><i>maaflah encik</i><br/>நானும் சொன்னேன்<br/>விட்டா போதும் ஐயா.....</p> <p style="text-align: right;">(LL1)</p> <p><u>Transkripsi:</u><br/>50 kututte:n, pattalanu conna:n<br/>kallaiyum kututte:n<br/>Roadblok sarjen conna:n<br/><b><i>Janganlah pandu ketika mabuk</i></b><br/>Maaflah encik<br/>na:num conne:n<br/>vitta: po:tum ayya:.....</p> <p style="text-align: right;">(LL1a)</p> |
|--|

Dalam contoh di atas '*Jangan pandu ketika mabuk*' merupakan ayat larangan yang lengkap dan betul dari segi tatabahasanya.

#### **4.1.2.3 Kekerapan Percampuran Kod Pada Tahap Ayat yang Melibatkan Bahasa Hindi**

Seperti Bahasa Melayu, Bahasa Hindi juga tidak banyak digunakan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang dikaji (Jadual 4.1). Bahasa Hindi hanya digunakan pada tahap ayat sahaja dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Terdapat sebuah (2.0%) lagu

Tamil tempatan yang mempunyai percampuran kod pada tahap ayat yang melibatkan bahasa Hindi. Contoh liriknya adalah seperti berikut:

#### Contoh dari LL16

நான் ஆடும் ஆட்டமெல்லாம்,  
அது எவனுக்கும் புரியாது,  
கலை தோறும் எல்லாம் அறிந்தவன் நான்  
*tuvi too me sa so me toongge,  
tuvi too mere til me toove*

(LL16)

Transkripsi:

na:n a:tum a:ttamella:m,  
atu evanukkum puriya:tu,  
kalai to:rum ella:m arintavan na:n  
*tuvi too me sa so me toongge,  
tuvi too mere til me toove*

(LL16a)

Dalam contoh di atas '*Tuvi too me sa so me toonge, Tuvi too mere thil me tone*' merupakan ayat yang lengkap dan betul dari segi tatabahasanya. Ayat ini bermaksud 'hanya awak seorang berada dalam setiap nafas saya, hanya awaklah dalam hati saya'.

#### 4.1.2.4 Penukaran Kod Pada Tahap yang Melebihi Satu Ayat

Hasil daripada penganalisan data utama kajian ini, iaitu lirik lagu-lagu Tamil tempatan, didapati juga penggunaan kod asing yang berlaku pada tahap yang melebihi tahap ayat. Ini menunjukkan penukaran atau pengalihan kod sepenuhnya dalam beberapa situasi dalam lagu tersebut. Contohnya boleh dilihat seperti berikut:

## Contoh dari LL15

*Oh!Baby move with me,  
come on and dance with me  
Shake with the beat of the nite*

உன்னோடு நான் ஆட,  
என்னோடு நீ ஆட,  
இரவை நாம் கொண்டாடலாம்

(LL15)

Transkripsi:

*Oh!Baby move with me,  
come on and dance with me  
Shake with the beat of the nite*

unno:tu na:n a:ta, enno:tu ni: a:ta,  
iravai na:m konta:tela:m

(LL15a)

## Contoh dari LL9

வா வந்து பார் வந்து கேள்  
இந்த இசையை இளமையோடு  
வந்து கலந்த இந்த இனிமை

*I know what u want.  
this is not a test run,  
emergency break it down,  
u know how we do it now,*

(LL9)

Transkripsi:

va: vantu pa:r vantu ke:l,  
inta icaiyai, ilamaiyo:tu  
vantu kalanta, inta inimai.

*I know what u want.  
this is not a test run,  
emergency break it down,  
u know how we do it now,*

(LL9a)

## **4.2 Penganalisan Percampuran Dan Penukaran Kod Berdasarkan Dimensi Struktur Linguistik**

Pada biasanya percampuran dan penukaran kod berlaku apabila L1 dan L2 hadir bersebelahan secara selang-seli dalam konstituen rentetan ujaran serta apabila tidak berlakunya percanggahan dalam peraturan tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut (Poplack, 1980). Ini merupakan penjelasan teori dari sudut linguistik struktural yang menerangkan percampuran dan penukaran kod. Seterusnya adalah penganalisan struktur percampuran dan penukaran kod dari aspek pola-polanya yang terdapat dalam data kajian.

### **4.2.1 Pola-Pola Percampuran dan Penukaran Kod**

Melalui penganalisan data dikenal pasti sebanyak 10 jenis pola bahasa yang wujud semasa percampuran kod berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang dikaji.

Pola-pola tersebut adalah seperti berikut:

Pola 1: Bahasa Tamil + Bahasa Inggeris

Pola 2: Bahasa Tamil + Bahasa Melayu

Pola 3: Bahasa Tamil + Bahasa Hindi

Pola 4: Bahasa Inggeris + Bahasa Tamil

Pola 5: Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Pola 6: Bahasa Tamil + Bahasa Inggeris + Bahasa Tamil

Pola 7: Bahasa Tamil + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Pola 8: Bahasa Inggeris + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Pola 9: Bahasa Melayu + Bahasa Tamil + Bahasa Melayu

Pola 10: Bahasa Inggeris + Bahasa Tamil + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Contoh-contoh lirik yang melibatkan pola-pola bahasa tersebut boleh dilihat seperti berikut:

### Pola 1

Bahasa Tamil + Bahasa Inggeris

Dalam pola ini lirik lagu dimulakan dengan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Contoh berikut dapat menjelaskan pola jenis ini.

#### Contoh dari LL1

கள்ளு வாங்கி வரும் பொழுது *road block*  
(LL1)

Transkripsi:

kallu va:nki varum polutu *road block*  
(LL1a)

#### Contoh dari LL20

என்ன கலக்கி குலுங்கி குலுங்க வைத்த *hot shower-u*,  
(LL20)

Transkripsi:

enna kalakki kulunki kulunka vaitta *hot shower-u*  
(LL20a)

### Pola 2

Bahasa Tamil + Bahasa Melayu

Dalam pola ini lirik lagu dimulakan dengan bahasa Tamil dan diikuti dengan bahasa Melayu. Contoh berikut dapat menjelaskan pola jenis ini.



### Contoh dari LL19

என் நாட்டு மன்னனுக்கு எவள் *permaisuri*,  
(LL19)

Transkripsi:

en na:ttu mannanuku eval, *permaisuri*,  
(LL19a)

### Pola 3

**Bahasa Tamil + Bahasa Hindi**

Daripada penganalisisan data didapati hanya sebuah lirik lagu Tamil tempatan sahaja yang mengandungi unsur penukaran kod ke dalam bahasa Hindi. Dalam pola jenis ini, bahasa Tamil didahulukan dan diikuti dengan bahasa Hindi seperti berikut:

### Contoh dari LL16

கலை தோறும் எல்லாம் அறிந்தவன் நான்  
*tuvi too me sa so me toongge,*  
*tuvi too mere til me toove*  
(LL16)

Transkripsi:

kalai to:rum ella:m arintavan na:n  
*tuvi too me sa so me toongge,*  
*tuvi too mere til me toove*  
(LL16a)

## Pola 4

### Bahasa Inggeris + Bahasa Tamil

Kebanyakan lirik lagu Tamil tempatan yang dikaji mempunyai pola jenis ini. Dalam pola jenis ini lirik lagu dimulakan dengan bahasa Inggeris dan diikuti dengan bahasa Tamil. Contoh-contoh di bawah dapat menjelaskan keadaan ini:

#### Contoh dari LL17

*Cell phone-u ringtone-u* உனக்கு தானடி  
(LL17)

Transkripsi:

*Cell phone-u ringtone-u* unakku ta:nati  
(LL17a)

#### Contoh dari LL4

*Miss* சாலினி எந்தன் உயிர் காதலி  
(LL4)

Transkripsi:

*Miss* Shalini entanuyir ka:tali  
(LL4a)

## Pola 5

### Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Dapatan kajian mengenal pasti dua buah lirik lagu Tamil Tempatan yang mempunyai pola jenis ini. Berikut adalah contoh-contohnya:

### Contoh dari LL2

*Gaduh* வேணாண்டா,  
அடிதடி போட வேணாண்டா  
(LL2)

Transkripsi:  
*Gaduh* ve:na:nta:,  
atitati po:ta ve:na:nta:  
(LL2a)

### Contoh dari LL8

*Sudahkah belum?* 2x பதில சொல்லு  
(LL8)

Transkripsi:  
*Sudahkah belum?* patila collu,  
(LL8a)

### Pola 6

**Bahasa Tamil + Bahasa Inggris + Bahasa Tamil**

Keadaan ini berlaku apabila liriknya dimulakan dengan bahasa Tamil diikuti bahasa Inggris dan kemudian diikuti lagi dengan bahasa Tamil. Contohnya boleh dilihat seperti berikut:

### Contoh dari LL8

வந்தா *figure*-u, போனா தவறு  
(LL8)

Transkripsi:  
vanta: *figure*-u po:n̄a: tavaru  
(LL8a)

## Pola 7

### Bahasa Tamil + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil

Dalam pola jenis ini lirik lagu dimulakan dengan bahasa Tamil dan kemudiannya dicampurkan dengan bahasa Melayu dan diikuti semula dengan bahasa Tamil. Dalam pola sebegini, pada kebiasaannya percampuran kod berlaku pada peringkat kata. Contohnya boleh dilihat seperti berikut:

#### Contoh dari LL22

நம்பாதே எல்லாம் *lalang* காடு,  
அவன பார்த்தா ஓடிடு  
(LL22)

Transkripsi:  
nampa:te: ella:m **lalang** ka:tu,  
avana pa:rtta: o:titu  
(LL22a)

#### Contoh dari LL20

மானம், *maruah*, கபடு குது  
ஆட்டுக்கு எதுவும் இல்ல  
(LL20)

Transkripsi:  
ma:ṇam, *maruah*, kapatu cu:tu  
a:ttukku e:tuvum illa  
(LL20a)

## Pola 8

**Bahasa Inggeris + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil**

Dalam pola jenis ini didapati bahasa Inggeris digunakan terlebih dahulu, diikuti dengan bahasa Melayu dan kemudian diakhiri dengan bahasa Tamil. Keadaan ini jarang berlaku dalam data kajian. Dalam penganalisan data kajian ini, didapati pola ini wujud hanya sekali sahaja. Contoh berikut membuktikan kewujudan pola jenis ini dalam lirik lagu Tamil tempatan:

### Contoh dari LL1

***Road block sarjen*** சொன்னான்  
(LL1)

Transkripsi:

***Road block sarjen*** conna:n  
(LL1a)

Dalam contoh di atas *Road block* adalah frasa Inggeris yang diikuti dengan kata **sarjen** yang merupakan kata bahasa Melayu (kata Inggeris yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu) dan diikuti pula dengan kata kerja Tamil *conna:n*.

## Pola 9

**Bahasa Melayu + Bahasa Tamil + Bahasa Melayu**

Penggunaan pola jenis ini hanya berlaku dalam satu lirik lagu sahaja seperti berikut:

### Contoh dari LL10

*curi makan* பண்ணா *jalan mati*  
(LL10)  
Transkripsi:  
*curi makan* panna: *jalan mati*  
(LL10a)

Dalam contoh di atas ‘**curi makan**’ adalah frasa Melayu diikuti kata kerja ‘*panna:*’ dan diakhiri dengan frasa dalam bahasa Melayu ‘**jalan mati**’.

### Pola 10

**Bahasa Inggeris + Bahasa Tamil + Bahasa Melayu + Bahasa Tamil**

Pola jenis juga jarang berlaku dalam lirik-lirik yang dianalisis. Hanya terdapat sebuah lirik sahaja yang mempunyai pola ini. Berikut adalah contoh lirik yang mempunyai pola ini:

### Contoh dari LL17

*Bench* மேல கால வச்சேன் *kopi* கடையில  
(LL17)  
Transkripsi:  
*Bench* me:la ka:la vaccen *kopi* kataiyila;  
(LL17a)

Dalam contoh di atas *Bench* adalah kata bahasa Inggeris diikuti dengan kata kerja Tamil ‘me:la ka:la vaccen’ dan kemudian diselitkan dengan bahasa Melayu iaitu **kopi** dan diakhiri dengan kata Tamil ‘kataiyila’.

## **4.2.2 Proses Pengasimilasian Kod Asing dengan Unsur-Unsur Tatabahasa Tamil**

Daripada penganalisan data utama, pengkaji juga mendapati berlakunya proses pengasimilasian kod-kod asing, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan unsur-unsur tatabahasa Tamil dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Pengasimilasian kata-kata Inggeris dan Melayu dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan mengukuhkan pendekatan Poplack (1980) yang mengemukakan teori bahawa percampuran dan penukaran kod terjadi dalam satu titik pertemuan dua sistem bahasa yang berlainan tetapi tidak melanggar peraturan tatabahasa masing-masing. Kajian ini dapat membuktikan bahawa proses asimilasi tidak boleh dielakkan semasa berlaku percampuran dan penukaran kod.

### **4.2.2.1 Pengasimilasian Kata-kata Asing dengan Unsur-unsur Tatabahasa Tamil**

Daripada penganalisan data, pengkaji dapat mengenal pasti empat jenis unsur-unsur tatabahasa Tamil yang mengasimilasikan kata-kata bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Berikut adalah beberapa contoh yang dikemukakan oleh pengkaji bagi menerangkan pengasimilasian kata-kata Inggeris dan Melayu dengan menerima unsur-unsur tatabahasa Tamil ketika berlakunya proses percampuran kod:

#### **i. Asimilasi Kata Dasar Bahasa Asing Dengan Akhiran Kasus Tamil**

Apabila berlakunya percampuran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan, pada situasi-situasi tertentu, kata-kata Inggeris dan Melayu yang ditukarkodkan itu didapati menerima akhiran kasus Tamil. Ini bermakna kasus Tamil, yang merupakan morfem terikat, berimbuh tanpa sebarang konflik sebagai akhiran pada kata-kata bahasa asing

untuk menghasilkan hubungan permukaan sintaksis Tamil yang gramatis. Berikut adalah beberapa contoh yang menerangkan struktur percampuran kod ini:

#### Contoh dari LL4

*Cyber cafe*-il பார்த்த *girl* எவள் சொந்தமாகலாமா  
*marriage* பண்ணலாமா *life*-il சேரலாமா  
(LL4)

Transkripsi:

*Cyber cafe*-il pa:rta *girl* eval contama:kala:ma:,  
*marriage* pannala:ma:, *life*-il ce:rala:ma:.

(LL4a)

#### Contoh dari LL5

இந்த *problett*-a நான் வெல்ல  
(LL5)

Transkripsi:

inta *problett*-a na:n vella

(LL5a)

#### Contoh dari LL6

*sms*-il முடியுது மோதல் உலகமே *sms*-ன் கையில்  
குறுஞ்செய்தி வழி இந்த பாடல்  
(LL6)

Transkripsi:

*sms*-il mutiyutu mo:tal, ullakame: *sms*-in kaiyil,  
kurunceiti vaḷi inta pa:tal,

(LL6a)

#### Contoh dari LL20

*Kambing*-o:ta கைகதான்  
(LL20)

Transkripsi:

*Kambing*-o:ta kaigeta:n

(LL20a)



Dalam ketiga-tiga contoh di atas kata-kata yang ditukarkodkan adalah *cyber cafe*, *life*, *sms*, *problem* dan *kambing*. Jika diteliti, kesemua kata ini merupakan kata nama dan mengikut peraturan tatabahasa Tamil kasus-kasus hanya akan diimbuhkan sebagai akhiran pada kata nama. Dalam contoh-contoh di atas kasus-kasus '-il' (-இல்), '-ai' (-ஐ), '-in' (-இன்) dan '-o:ta' (-உடைய) hadir sebagai akhiran. Dalam Tatabahasa Tamil, terdapat 8 jenis kasus. Di mana '-ai' (-ஐ) adalah kasus kedua, '-in' (-இன்) dan '-o:ta' (-உடைய) adalah kasus keenam, manakala '-il' (-இல்) adalah kasus ketujuh. Pembentukan kata dasar asing dengan kasus Tamil dapat dilihat dalam pola berikut:

|                                |   |                            |
|--------------------------------|---|----------------------------|
| <b>Kata Dasar Bahasa Asing</b> | + | <b>Akhiran Kasus Tamil</b> |
|--------------------------------|---|----------------------------|

|                            |   |                        |
|----------------------------|---|------------------------|
| <i>(cyber cafe + -இல்)</i> | > | <i>(cyber cafeஇல்)</i> |
| <i>cyber cafe + -il</i>    | > | <i>cyber cafeil</i>    |
| <i>(problem + -அ (ஐ))</i>  | > | <i>(problemஅ)</i>      |
| <i>problem + -a (ai)</i>   | > | <i>probleta</i>        |
| <i>(life + -இல்)</i>       | > | <i>(lifeஇல்)</i>       |
| <i>life + -il</i>          | > | <i>lifeil</i>          |
| <i>(sms + -இல்)</i>        | > | <i>(smsஇல்)</i>        |
| <i>sms + -il</i>           | > | <i>smsil</i>           |
| <i>(sms + -இன்)</i>        | > | <i>(smsஇன்)</i>        |
| <i>sms + -in</i>           | > | <i>smsin</i>           |
| <i>(Kambing + -உடைய)</i>   | > | <i>(Kambingஉடைய)</i>   |
| <i>Kambing + -o:ta</i>     | > | <i>Kambingo:ta</i>     |

Penganalisan data menunjukkan pengimbuhan kasus Tamil berlaku pada kata-kata dasar Inggeris dan Melayu tanpa sebarang konflik peraturan tatabahasa Tamil.

## ii. Asimilasi Kata Dasar Bahasa Asing Dengan Partikel Kerja Tamil

Dapatan kajian juga menunjukkan kata-kata bahasa asing yang ditukarkodkan diimbuhkan dengan partikel kerja Tamil seperti 'panna', 'po:ttu' dan 'a:ya:cci'. Berikut adalah contoh-contoh kata dasar Inggeris yang diimbuhkan dengan partikel kerja Tamil pada akhir kata.

### Contoh dari LL21

*Shopping* தேடி தேடி *tension* ஆயாச்சி  
(LL21)

Transkripsi:

*Shopping* te:ti te:ti *tension* a:ya:cci  
(LL21a)

Dalam contoh ini partikel kerja 'a:ya:cci' hadir selepas *tension* untuk membawa maksud **menjadi** *tension*.

### Contoh dari LL20

*Lipstick*-a போட்டு மினுக்குதடி  
(LL20)

Transkripsi:

*Lipstick*-a po:ttu minukutadi  
(LL20a)

Dalam contoh di atas partikel kerja 'po:ttu' hadir selepas *lipstick* untuk memberi maksud menggunakan *lipstick*.

### Contoh dari LL20

*Relax* பண்ணு நீ *relax* பண்ணு  
(LL20)

Transkripsi:

*Relax* pannu ni: *relax* pannu  
(LL20a)

Dalam contoh di atas partikel kerja ‘pannu’ hadir selepas *relax* untuk membawa maksud melakukan perbuatan *relax* pada diri sendiri ataupun ber-*relax*.

#### Contoh dari LL10

அட *cari makan* பண்ண நல்ல பாதை இருக்குது

(LL10)

Transkripsi:

ata *cari makan* panna nalla pa:tai irukutu

(LL10a)

Dalam contoh di atas partikel kerja ‘panna’ hadir selepas frasa cari makan untuk memberi maksud membuat kerja ‘cari makan’.

Kesemua partikel-partikel kerja dalam contoh-contoh di atas hadir selepas kata dasar asing yang merupakan kata nama ataupun kata kerja. Percampuran yang berlaku dalam contoh-contoh di atas boleh dirumuskan mempunyai pola seperti berikut:

**Kata Dasar Bahasa Asing + Akhiran Partikel Kerja Tamil**

#### iii. Asimilasi Kata Dasar Bahasa Asing dengan Akhiran Jamak

Data kajian juga menunjukkan bahawa kata-kata asing yang dicampurkodkan menerima akhiran jamak Tamil ‘-kal’ (-கள்). . Akhiran jamak ini diimbuhkan pada kata nama asing untuk menunjukkan bilangan yang lebih dari satu. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

## Contoh dari LL9

*kiri kanan* எல்லாம் நம்ம *kawan*னாங்க  
(LL9)

Transkripsi:

*kiri kanan* ella:m namma *kawannunka*  
(LL9a)

Dalam contoh di atas akhiran jamak (-kal) (-கள்) yang merupakan morfem terikat berimbuah pada kata dasar asing, iaitu 'kawan' untuk membawa maksud ramai kawan.

Kawan + -உங்க (-கள்) > Kawanனாங்க

Kawan + -unga (-kal) > kawannunga (kawankal)

Pola pembentukan kata tersebut adalah ditunjukkan seperti di bawah:

**Kata Dasar Bahasa Asing + Akhiran Jamak**

#### iv. Asimilasi Kata Dasar Bahasa Asing dengan Sistem Bunyi Bahasa Tamil

Dalam sistem konsonan Tamil terdapat beberapa konsonan yang tidak hadir pada akhir kata (Parantaamanaar, 2002). Fonem-fonem tersebut adalah [k] (க), [c] (ச), [t] (ட), [t] (த), [p] (ப), [r] (ற), [n] (ள), [n] (ங), [n] (ந) dan [v] (வ).

Bagi kata-kata asing yang dipinjam ataupun ditukarkodkan dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan proses nativasi berlaku dengan menambahkan fonem [u] pada kata-kata asing yang mengandungi bunyi akhiran yang bercanggah dengan sistem fonetik Tamil. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

### Contoh dari LL21

பண்மெல்லாம் செலவாச்சி, *pocket*-u காலியாச்சி  
(LL21)

Transkripsi:

panamella:m celava:cci, *pocket*-u ka:liya:ccu  
(LL21a)

### Contoh dari LL14

நின்னு போச்சு என் *heart*-u  
(LL14)

Transkripsi:

ninnu po:ccu en *heart*-u  
(LL14a)

### Contoh dari LL17

*Teenage*-u tea குடிக்க வந்தா அஞ்சல  
*Orange*-u சாறு பட்டும் கண்ணு கசக்கல  
(LL17)

Transkripsi:

*Teenage*-u tea kutikka vanta: ancala  
*Orange*-u ca:ru pattum kannu kacakkala  
(LL17a)

Dalam contoh-contoh di atas morfem bebas asing yang ditukarkodkan seperti *pocket*, *heart*, *Teenage* dan *Orange* ditambahkan dengan fonem [u] pada akhirnya. Ini kerana morfem-morfem tersebut mengandung fonem akhiran yang bercanggah dengan sistem bunyi Tamil iaitu mengandung fonem-fonem [t] (ட), [c] (ச) dan [n] (ஞ). Pola dan struktur kata yang terhasil adalah seperti berikut:

**Kata Dasar Bahasa Asing + Fonem [-u]**

|                |      |   |                 |
|----------------|------|---|-----------------|
| <i>pocket</i>  | + -u | > | <i>pocketu</i>  |
| <i>heart</i>   | + -u | > | <i>heartu</i>   |
| <i>Teenage</i> | + -u | > | <i>Teenageu</i> |
| <i>Orange</i>  | + -u | > | <i>Orangeu</i>  |

### 4.3 Penganalisisan Data Dari Dimensi Sociolinguistik

Pengkaji telah menemu bual seramai 10 orang penulis lirik lagu Tamil tempatan berdasarkan soalan-soalan yang berkaitan dengan faktor-faktor pemilihan bahasa dalam lirik mereka. Pengkaji telah menggunakan abjad A, B, C, D, E, F, G, H, I, J untuk melabelkan responden-responden yang terlibat dalam temu bual ini.

Temu bual antara pengkaji dengan responden ini dijalankan dengan menggunakan bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu mengikut kefasihan dan keselesaan mereka. Setiap responden telah memberi pendapat sendiri berdasarkan pengalaman masing-masing. Daripada interaksi temu bual yang direkodkan, didapati ada kalanya pendapat responden itu sama dan ada kalanya pendapat mereka berbeza antara satu sama lain. Data yang diperolehi melalui temu bual dianalisis berdasarkan semua respon yang dikemukakan oleh responden.

Responden-responden ini pada mulanya disoal mengenai latar belakang mereka. Latar belakang penulis adalah penting dalam situasi ini disebabkan ia dikira sebagai faktor semulajadi yang mempengaruhi penulisan mereka. Pada dasarnya, semua responden yang ditemu bual mengakui bahawa latar belakang mereka amat mempengaruhi penulisan mereka.

**Jadual 4.4 Maklumat Peribadi Penulis Lirik Lagu Tamil Tempatan**

| Respon den | Jantina | Umur | Bhs Ibunda | Sek. Ren. | Pend. Tertinggi | Kerjaya            | Kefasihan Bahasa |    |    |
|------------|---------|------|------------|-----------|-----------------|--------------------|------------------|----|----|
|            |         |      |            |           |                 |                    | BT               | BI | BM |
| A          | L       | 35   | BT         | SJKT      | Diploma         | Sedang belajar     | F                | F  | F  |
| B          | L       | 32   | BT         | SK        | Diploma         | Perniagaan sendiri | F                | F  | F  |
| C          | L       | 36   | BT         | SJKT      | Ijazah          | Penulisan          | F                | TF | F  |
| D          | L       | 34   | BT         | SJKT      | Diploma         | Swasta             | F                | F  | F  |
| E          | L       | 35   | BT         | SJKT      | Diploma         | Penulisan          | F                | F  | F  |
| F          | L       | 22   | BT         | SK        | SPM             | Sedang belajar     | TF               | F  | F  |
| G          | L       | 27   | BT         | SJKT      | SPM             | swasta             | F                | F  | F  |
| H          | L       | 36   | BT         | SJKT      | Diploma         | Kerja sendiri      | F                | TF | F  |
| I          | L       | 32   | BT         | SJKT      | Diploma         | Kerja sendiri      | F                | F  | F  |
| J          | L       | 30   | BT         | SK        | Sijil           | Swasta             | TF               | F  | F  |

**L= lelaki BT= Bahasa Tamil BI= Bahasa Inggeris BM= Bahasa Melayu  
F= Fasih TF= Tidak Fasih**

Jadual di atas menunjukkan latar belakang penulis-penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang telah ditemu bual. Menurut jadual di atas, didapati bahawa kesemua penulis lirik yang ditemu bual adalah lelaki dalam lingkungan umur 20an dan 30an. Bahasa ibunda mereka adalah bahasa Tamil. Daripada 10 orang penulis, 3 orang adalah dari sekolah kebangsaan dan yang selebihnya adalah dari sekolah Tamil.

Kesemua penulis yang ditemu bual didapati berpendidikan. Seramai 5 orang (50.0%) didapati berkelulusan diploma. Dalam pada itu, seorang (10.0%) masih meneruskan pelajaran pada peringkat diploma. Manakala seorang (10.0%) telah menamatkan pelajaran pada peringkat SPM dan seorang lagi (10.0%) masih meneruskan pelajaran pada peringkat SPM. Selain itu, seorang responden (10.0%) memiliki sijil dan seorang lagi (10.0%) berkelulusan ijazah. Kesemua penulis yang menjadi responden kajian ini didapati sangat fasih dalam bahasa Melayu. Manakala, 8 orang responden (80.0%) didapati fasih dalam bahasa Tamil dan 2 orang responden (20.0%) didapati tidak fasih

dalam bahasa tersebut. Keadaan sama dapat dilihat bagi kefasihan responden dalam bahasa Inggeris.

#### **4.3.1 Faktor-Faktor Percampuran dan Penukaran Kod**

Dalam kajian ini kaedah temu bual dijalankan bagi mengetahui sebab-sebab seseorang penulis lirik lagu tempatan menukar kod dalam penulisan mereka. Selepas menemu bual semua responden kajian ini yang juga merupakan penulis lirik lagu, didapati beberapa faktor-faktor yang mendorong mereka menggunakan percampuran dan penukaran kod dalam penulisan mereka. Kebanyakan penulis lirik lagu Tamil tempatan telah mengemukakan faktor-faktor yang hampir sama. Maka, pengkaji telah meringkaskan penjelasan kesemua penulis kepada tujuh faktor utama. Faktor-faktornya dijelaskan seterusnya. Pengkaji juga mengukuhkan pendapatnya dengan transkripsi temu bual (TB1) yang diadakan bersama penulis lirik lagu-lagu Tamil.

##### **4.3.1.1 Ketidadaan atau Ketidaksesuaian Kosa Kata**

Terdapat 5 orang penulis yang menyatakan bahawa adalah sukar bagi mereka mendapatkan kosa kata yang sesuai untuk menjelaskan perkara atau aspek yang ingin mereka tonjolkan secara berkesan dalam lirik yang mereka tulis. Mereka juga menjelaskan bahawa bukan semua pendengar lagu mempunyai tahap penguasaan Bahasa Tamil yang tinggi terutamanya golongan muda-mudi. Bagi mengelakkan kekeliruan atau ketidakfahaman makna, maka beberapa perkataan bahasa asing diselang-selikan sebulat-bulatnya dalam lirik yang mereka tulis. Selain itu, penulis-penulis juga gemar menggunakan istilah-istilah dari bahasa asing walaupun terdapat istilah yang sesuai atau khusus dalam bahasa Tamil. Ini adalah untuk memberi



penekanan pada sesuatu perkara di samping tidak perlu diterangkan dengan lebih lanjutan.

#### 4.3.1.2 Kebiasaan

Menurut 7 orang penulis, percampuran kod adalah satu kebiasaan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Menurut mereka, sejak kecil lagi mereka sudah biasa bercakap dalam pelbagai bahasa. Apabila mereka mula menulis lirik, tanpa disedari mereka menggunakan bahasa asing yang dianggap sebagai satu kebiasaan. Dapatan juga menunjukkan bahawa istilah-istilah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu konsep dalam bidang-bidang tertentu seperti pendidikan, sains, teknologi maklumat dan ekonomi dikekalkan dalam bahasa asalnya. Ini dapat dilihat dalam transkripsi perbualan penulis lirik semasa temu bual:

*"Mix panratu palaki po:ccu. Some words like school, hospital, pasar malam, shopping centre, love, boy, and girl are very common we using in our conversation. When all known the meaning, we no need to translate in Tamil what? And of course some of the audience who not good in Tamil don't know the Tamil version for pasar malam and shopping center.*

Terjemahan:

( percampuran sudah menjadi kebiasaan. Kata-kata *school, hospital, pasar malam, shopping centre, love, boy, dan girl*, sudah biasa digunakan dalam pertuturan harian kita. Apabila semua orang memahami kata-kata tersebut, maka tidak perlulah menulis dalam bahasa Tamil tulen. Lagipun, ada pula yang tidak mengetahui kata-kata seperti pasar malam dan shopping centre dalam versi bahasa Tamil .)

**LAMPIRAN V (TB1)**

### 4.3.1.3 Ketinggian Taraf Sosial

Faktor-faktor sosial seperti solidariti, situasi, identiti dan status dilihat sebagai penyumbang utama yang merangsang penulis menukar kod dalam lirik-lirik lagu mereka. Hampir 90% penulis lirik yang ditemu bual fasih dalam bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Mereka menerangkan bahawa apabila mereka mencampurkan bahasa, terutamanya bahasa Inggeris, mereka akan dianggap berstatus tinggi. Ini kerana, bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa universal. Jawapan seorang penulis lirik adalah seperti di bawah ini:

*'English universal language. atu oru ka:ranamnu collela:m. me:lum English terinca:le namakku oru tani matippu ta:n. oru status ketacce ma:tiri. So we proud to use it in our lyrics'.*

Terjemahan:

(Bahasa English adalah bahasa universal. Itu adalah salah satu sebab menggunakan bahasa tersebut dalam lagu kami. Selain itu, mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris, akan diberi penghormatan. Ada status tinggi. Maka, kami memang bangga untuk mencampurkan bahasa Inggeris dalam lirik-lirik kami.)

**LAMPIRAN V (TB1)**

### 4.3.1.4 Permintaan Peminat Lagu

Meskipun terdapat perkataan yang sama maknanya dalam bahasa Tamil, penulis lebih gemar memilih dan menggunakan perkataan-perkataan dari bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris yang lebih popular. Mereka menyatakan bahawa penggunaan bahasa asing dalam lirik lagu dapat menarik perhatian para peminat. Ada penulis yang menjelaskan bahawa mereka lebih gemar dalam penggunaan bahasa asing dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan bagi menyenangkan atau menghiburkan golongan muda yang

inginkan kelainan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab para penulis lirik untuk memenuhi permintaan para peminat lagu-lagu Tamil tempatan.

#### 4.3.1.5 Situasi atau Isi Kandungan

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penulis sukar mengelakkan diri daripada melakukan penukaran kod yang melibatkan penggunaan ungkapan-ungkapan tertentu untuk meluahkan perasaan mereka. Malah penulis lirik juga menyedar bahawa tanpa penggunaan ungkapan-ungkapan tersebut, lirik lagu mereka akan menjadi lebih tawar dan kurang menarik. Oleh itu, percampuran kod ini dilakukan mengikut situasi dan kandungan lagu, khususnya bagi lagu-lagu *hip hop*. Penulis beranggapan bahawa lirik seperti ini boleh mewujudkan suasana yang mesra dengan adanya percampuran bahasa. Ia seolah-olah seperti berlaku komunikasi yang tidak formal. Mereka juga menggunakan bahasa yang bercampuran agar maklumat yang disampaikan itu mudah difahami pendengar. Mereka juga bersependapat bahawa kebanyakan orang Tamil di Malaysia, kini fasih dalam lebih daripada satu bahasa. Oleh itu, para penulis berpendapat bahawa percampuran kod dilakukan mengikut situasi dan isi kandungan lagu. Ini dapat dilihat dalam transkripsi berikut:

*“cile camayattule pa:ttu elutum po:tu ante lyricsku suitable-la:ne words  
cariya: amaiya:tu. Sometimes situationku ottu vara:tu. ante ma:tiri ne:ratule  
mixing nicayama natakkum.”*

Terjemahan:

(Kadang-kala semasa menulis lirik, kami tidak perkataan yang sesuai bagi sesuatu situasi dalam lagu. Maka, dalam situasi sedemikian, percampuran bahasa sudah tentu berlaku.)

**LAMPIRAN V (TB1)**

#### 4.3.1.6 Masyarakat Berbilang kaum

Faktor seterusnya ialah pengaruh gaya hidup di Malaysia. Kesemua penulis mengakui bahawa faktor yang paling utama yang mendorong penggunaan bahasa asing dalam lirik mereka disebabkan oleh persekitaran yang mempunyai pelbagai jenis bahasa. Malaysia ialah sebuah negara multi etnik dan multilingual. Justeru itu, kebanyakan rakyat Malaysia berkebolehan atau fasih dalam satu ataupun beberapa bahasa selain daripada bahasa ibunda. Oleh itu, percampuran bahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia tidak dapat dielakkan dalam pertuturan mahupun penulisan. Begitulah pendapat yang diberikan oleh penulis-penulis lirik yang telah ditemu bual oleh pengkaji. Di bawah ini adalah kata-kata daripada seorang penulis lirik tempatan:

“Malaysia-vula iruntukittu pure Tamil-la pa:ttu elutunumna: eppati? inka ella:me: mix. That’s why our lyrics also mix. me:lum atuta: ippo:vulla trend”.

Terjemahan:

(Bagi seseorang yang tinggal di Malaysia, bagaimana hendak menulis lirik lagu dalam bahasa Tamil tulen? Di sini semuanya bercampuran. Itulah sebabnya lirik kami pun bercampuran bahasa. Selain itu, inilah trend zaman sekarang).

**LAMPIRAN V(TB1)**

#### 4.3.1.7 Kepopularan dan Pendapatan

Ada penulis lirik berpendapat bahawa lagu ialah suatu aspek hiburan. Lagu dicipta untuk menenangkan fikiran di samping menghiburkan seseorang. Maka mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa standard dalam lirik-lirik lagu adalah sesuatu yang tidak diperlukan. Mereka berpandangan bahawa jika liriknya ditulis sepenuhnya dalam bahasa Tamil ataupun menggunakan bahasa Tamil standard yang mempunyai variasi bahasa yang berstatus tinggi, mungkin apa yang disampaikan dalam lagu tidak

akan difahami golongan pendengar yang tidak begitu mahir dalam bahasa Tamil. Ciri-ciri laras bahasa hiburan yang tidak formal dikatakan mendorong dan memberi kebebasan kepada penulis untuk menggunakan percampuran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil supaya lebih kreatif untuk menghasilkan lagu-lagu yang popular. Ini akan melariskan penjualan dan meningkatkan pendapatan.

Tambahan pula, mereka memberi pendapat bahawa lagu-lagu Tamil tempatan yang dicipta pada tahun 60-an hingga 80-an tidak begitu mendapat sambutan mungkin kerana liriknya begitu formal dengan tahap bahasa yang terlalu tinggi. Dan apabila lagu yang berjudul 'akka: make' dikeluarkan mengikut laras bahasa hiburan tanpa mementingkan aspek tatabahasanya, barulah lagu-lagu Tamil tempatan mula mendapat sambutan para pendengar, khususnya golongan remaja.

Berikut adalah jawapan yang diberi oleh salah seorang penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan:

*"munne elutenevankella:m cutte Tamille elutenena:leta:n avankelo:te pa:ttella:m avvelava: popular a:valenu nenaihire:n. enne porutevaraikum pa:ttuna:le kantippa languagele koncam adjustment irukkanum. Language mix panna:ta:n audience, mukkiyema: youngsters virumpi ke:tpa:nke!"*

Terjemahan:

(Saya fikir lagu-lagu yang ditulis sebelum ini tidak menjadi popular kerana para penulis lirik lagu menggunakan bahasa Tamil tulen. Mengikut pendapat saya kita harus membuat sedikit adjustment dalam lagu. Hanya dengan mencampurkan bahasa sajalah akan dapat kita menarik para pendengar, terutamanya golongan muda-mudi.)

**LAMPIRAN V (TB1)**

### **4.3.2 Sikap Para pendengar Lagu Terhadap Percampuran Kod**

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan instrumen soal-selidik untuk mengetahui sikap para pendengar lagu-lagu Tamil tempatan terhadap percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu ini serta pandangan mereka terhadap keadaan ini. Soal-selidik ditadbirkan kepada 50 responden kumpulan lingkungan umur dari 20 hingga 40 tahun, kerana mereka dikategorikan sebagai kaum belia. Pengkaji telah mentadbirkan soal-selidik secara bersemuka dan juga melalui email. Kesemua 50 borang dapat dikumpul balik dan dianalisis datanya.

Menurut data yang dikumpulkan dari soal-selidik, didapati 74.0% responden berbangsa Tamil, 12.0% responden berbangsa Telugu, sebanyak 8.0% berbangsa Malayalam dan bakinya sebanyak 6.0% responden adalah berbangsa Sikh yang berkebolehan berbahasa Tamil. Kebanyakan mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pertuturan. Hanya 10.0% responden yang bertutur dalam bahasa Inggeris namun boleh memahami bahasa Tamil.

Daripada penganalisan data soal-selidik, didapati kesemua responden suka mendengar lagu. Apabila disoal mengenai pemberian keutamaan kepada jenis lagu yang sering didengar, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden iaitu 25 orang lelaki dan 25 orang perempuan masing-masing mengutamakan lagu-lagu Tamil diikuti lagu-lagu Inggeris dan lagu-lagu Melayu.

#### 4.3.2.1 Minat Responden Terhadap Lagu Tamil Tempatan

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah mengemukakan soalan mengenai tahap minat responden terhadap lagu-lagu Tamil tempatan. Hasil penganalisan data kajian dapat ditunjukkan seperti jadual di bawah:

**Jadual 4.5 Tahap Minat Responden Terhadap Lagu-Lagu Tamil Tempatan**

| Tahap Minat Terhadap Lagu Tamil Tempatan | Responden        |           | Peratus (%)  |
|--|------------------|-----------|--------------|
|  | Jantina          | Bilangan  |              |
| Paling berminat                          | Lelaki           | 5         | 22.0         |
|  | Perempuan        | 6         |              |
| berminat                                 | Lelaki           | 17        | 46.0         |
|  | Perempuan        | 6         |              |
| Kurang berminat                          | Lelaki           | 2         | 18.0         |
|  | Perempuan        | 7         |              |
| Tidak berminat                           | Lelaki           | 1         | 10.0         |
|  | Perempuan        | 4         |              |
| Tidak Pasti                              | Lelaki           | -         | 4.0          |
|  | Perempuan        | 2         |              |
| <b>Jumlah</b>                            | <b>Lelaki</b>    | <b>25</b> | <b>100.0</b> |
|  | <b>Perempuan</b> | <b>25</b> |              |

Jadual di atas menunjukkan bahawa, seramai 11 orang responden (22.0%) yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 6 orang perempuan paling berminat mendengar lagu-lagu Tamil tempatan. Manakala 46.0% responden iaitu 17 responden lelaki dan 6 responden perempuan pula menyatakan bahawa mereka berminat mendengarnya. Sebanyak 9 orang responden iaitu 2 orang lelaki dan 7 orang perempuan didapati kurang berminat dan diikuti dengan seorang lelaki dan 4 perempuan (10.0%) yang tidak berminat dan seramai 2 (4.0%) responden perempuan pula menyatakan bahawa mereka tidak pasti dengannya.

Daripada data di atas 5 orang lelaki didapati sangat berminat dan 17 orang lelaki pula didapati berminat. Ini bererti secara keseluruhannya 22 orang (88.0%) lelaki berminat

mendengar lagu-lagu Tamil tempatan. Manakala bagi perempuan pula hanya 48.0% berminat (6 orang sangat berminat dan 6 orang berminat) untuk mendengar lagu-lagu Tamil tempatan. Ini membuktikan bahawa responden lelaki lebih berminat mendengar lagu-lagu Tamil tempatan.

#### 4.3.2.2 **Kekerapan Mendengar Lagu-lagu Tamil Tempatan**

Berikut adalah data mengenai kekerapan mendengar lagu-lagu Tamil tempatan oleh para subjek kajian yang memberi respon kepada soal selidik.

**Jadual 4.6 Kekerapan Mendengar Lagu-lagu Tamil Tempatan**


| <b>Jantina</b> | <b>Selalu</b> | <b>Kadang-kadang</b> | <b>Jarang</b> | <b>Jumlah %</b> |
|----------------|---------------|----------------------|---------------|-----------------|
| Lelaki         | 80.0%         | 16.0%                | 4.0%          | 100.0%          |
| Perempuan      | 48.0%         | 32.0%                | 20.0%         | 100.0%          |

Daripada borang soal-selidik yang diedarkan didapati 80.0% responden lelaki menyatakan bahawa mereka selalu mendengar lagu-lagu Tamil tempatan. Sebanyak 16.0% responden lelaki pula menyatakan bahawa hanya kadang-kala mereka mendengar lagu-lagu Tamil tempatan. Selain itu, terdapat hanya 4.0% responden yang jarang-jarang mendengar lagu-lagu ini. Manakala bagi responden perempuan pula, sebanyak 48.0% didapati selalu mendengar lagu-lagu Tamil tempatan, dan 32.0% kadang-kadang sahaja mendengar lagu tersebut. Sejumlah 20.0% responden perempuan pula menjelaskan bahawa mereka jarang-jarang mendengarnya. Penganalisisan data ini menunjukkan bahawa golongan lelaki lebih berminat untuk mendengar lagu-lagu Tamil tempatan.



### 4.3.2.3 Sebab Responden Meminati Lagu-lagu Tamil Tempatan

Pengkaji juga mengemukakan soalan mengenai apakah sebab responden berminat dengan lagu-lagu Tamil tempatan, dengan memberi 3 pilihan iaitu muzik, lirik dan penyanyi. Rajah 4.2 di bawah menunjukkan penganalisan data yang merupakan respon bagi soalan tersebut




**Rajah 4.1** Sebab Responden Meminati Lagu-Lagu Tamil Tempatan

Rajah menunjukkan bahawa terdapat seramai 14 orang responden lelaki dan 15 orang responden perempuan berminat lagu-lagu ini disebabkan oleh muzik. Manakala responden lelaki dan perempuan masing-masing 8 orang dan 10 orang berminat lagu-lagu Tamil tempatan kerana liriknya. Ada pula responden lelaki iaitu seramai 3 orang, menyatakan bahawa mereka suka suara dan gaya penyanyi lagu-lagu Tamil tempatan.

#### 4.3.2.4 Pemilihan Jenis Lagu dalam kalangan Responden

Untuk mengetahui jenis muzik yang diminati responden, pengkaji telah menyenaraikan lima jenis muzik untuk mereka menyatakan pilihan mereka mengikut keutamaan. Jenis-jenis muzik yang disenaraikan ialah muzik klasik, muzik separuh klasik, muzik moden biasa, muzik hip hop dan muzik rock. Tidak ada seorangpun responden yang memilih muzik klasik, muzik separuh klasik dan muzik rock. Akan tetapi 50.0% responden (9 orang lelaki dan 16 orang perempuan) telah memilih muzik moden biasa dan selebihnya 50.0% responden lagi (15 orang lelaki dan 10 orang perempuan) telah memilih muzik hip hop. Ini bermakna mereka minat mendengar lagu-lagu Tamil hip hop dan muzik moden biasa sahaja. Rajah 4.1 berikut menerangkan pemilihan jenis muzik oleh responden:



Rajah 4.2 Pemilihan Jenis Muzik Oleh Responden

#### 4.3.2.5 Sebab-sebab Responden Meminati Jenis Lagu Hip Hop dan Muzik Moden

Responden juga memberi sebab-sebab mereka memilih lagu-lagu sedemikian seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 4.7 Sebab-sebab Responden Meminati Jenis Muzik**

| Sebab Minati Lagu                  | Responden        |           | Peratus (%)  |
|------------------------------------|------------------|-----------|--------------|
|                                    | Jantina          | Bilangan  |              |
| Muziknya Sedap didengar            | Lelaki           | 6         | 24.0         |
|                                    | Perempuan        | 6         |              |
| Sesuai dengan generasi muda kini   | Lelaki           | 11        | 42.0         |
|                                    | Perempuan        | 10        |              |
| Meningkatkan martabat bahasa Tamil | Lelaki           | 3         | 8.0          |
|                                    | Perempuan        | 1         |              |
| Iramanya menarik                   | Lelaki           | 5         | 22.0         |
|                                    | Perempuan        | 6         |              |
| Menenangkan fikiran                | Lelaki           | -         | 4.0          |
|                                    | Perempuan        | 2         |              |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>Lelaki</b>    | <b>25</b> | <b>100.0</b> |
|                                    | <b>Perempuan</b> | <b>25</b> |              |

Seramai 21 responden (42.0%), iaitu 11 orang lelaki dan 10 orang perempuan meminati lagu-lagu hip-hop atau lagu-lagu moden kerana mereka berpendapat lagu-lagu jenis ini sesuai dengan generasi muda pada masa kini. Mungkin mereka lebih suka pada lagu yang berentak rancak. Seramai 12 responden (24.0%) yang terdiri daripada lelaki dan perempuan masing-masing 6 orang, mengatakan bahawa mereka meminati lagu-lagu ini kerana muziknya sedap didengar. Seterusnya, iramanya yang menarik juga mendorong seramai 5 orang lelaki dan 6 orang perempuan (22.0%) untuk meminati lagu-lagu Tamil tempatan. Terdapat 3 orang lelaki dan seorang perempuan (8.0%) yang menyatakan bahawa mereka meminati lagu-lagu Tamil tempatan kerana liriknya meningkatkan martabat bahasa Tamil. Seramai 2 orang responden perempuan (4.0%) pula mengatakan bahawa muzik lagu-lagu Tamil tempatan menenangkan fikiran.

#### **4.3.2.6 Keutamaan Kepada Jenis Lirik Lagu**

Apabila responden diminta untuk menyatakan keutamaan yang mereka beri antara jenis lirik lagu yang menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya dan jenis lirik yang bahasanya

bercampuran dengan bahasa-bahasa asing, majoritinya memilih lirik lagu yang bahasanya bercampuran dengan bahasa-bahasa asing. Ini dijelaskan dalam Jadual 4.7 di bawah:

**Jadual 4.8 Jenis Lirik Lagu Tamil Tempatan Yang diberi Keutamaan**

| Jenis Lirik                                | Bilangan Responden |           | Peratus      |
|--|--------------------|-----------|--------------|
|  | Lelaki             | Perempuan |              |
| Lirik dalam bahasa Tamil sepenuhnya        | 9                  | 5         | 28.0         |
| Lirik yang bercampuran bahasa-bahasa asing | 16                 | 20        | 72.0         |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>25</b>          | <b>25</b> | <b>100.0</b> |

Seramai 16 orang lelaki dan 20 orang perempuan (72.0%) menjawab bahawa mereka akan mengutamakan lirik lagu-lagu Tamil yang bercampuran bahasa-bahasa asing, manakala sebanyak 28.0% iaitu 9 orang lelaki dan 5 orang perempuan pula didapati memberi keutamaan kepada lirik lagu-lagu yang dalam bahasa Tamil sepenuhnya. Ini bermakna kebanyakan responden meminati lirik lagu Tamil yang mempunyai unsur-unsur penukaran dan percampuran kod.

#### **4.3.2.7 Tahap Persetujuan Percampuran Bahasa Asing**

Walaupun kebanyakan responden meminati lagu-lagu Tamil tempatan, tetapi ini tidak bererti bahawa mereka bersetuju sepenuhnya dengan percampuran kod yang berlaku dalam lirik-liriknyanya. Apabila menganalisis tahap persetujuan responden mengenai percampuran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan, pengkaji dapat merumuskan dapatannya seperti berikut:

**Jadual 4.9 Tahap Persetujuan Percampuran Bahasa Asing**

| Tahap persetujuan | Bilangan Responden Mengikut Jantina |           | Peratus (%)  |
|-------------------|-------------------------------------|-----------|--------------|
|                   | Jantina                             | Bilangan  |              |
| Sangat Setuju     | Lelaki                              | 10        | 50.0         |
|                   | Perempuan                           | 15        |              |
| Setuju            | Lelaki                              | 5         | 20.0         |
|                   | Perempuan                           | 5         |              |
| Kurang Setuju     | Lelaki                              | 6         | 16.0         |
|                   | Perempuan                           | 2         |              |
| Tidak Setuju      | Lelaki                              | 3         | 10.0         |
|                   | Perempuan                           | 2         |              |
| Tidak Pasti       | Lelaki                              | 1         | 4.0          |
|                   | Perempuan                           | 1         |              |
| <b>Jumlah</b>     | <b>Lelaki</b>                       | <b>25</b> | <b>100.0</b> |
|                   | <b>Perempuan</b>                    | <b>25</b> |              |

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, dapat disimpulkan bahawa seramai 25 orang (50.0%) responden (10 lelaki dan 15 perempuan) sangat setuju dengan percampuran bahasa-bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Ini diikuti dengan 10 orang (20.0%) responden (5 lelaki dan 5 perempuan) yang setuju dengan percampuran bahasa-bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Ini menunjukkan bahawa 70.0% responden benar-benar setuju atau menerima penggunaan bahasa-bahasa asing dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan.

Mereka memberi pendapat bahawa penggunaan bahasa-bahasa asing akan menjadikan lagu itu lebih menarik dan menghasilkan irama dan rentak lagu yang rancak. Responden yang kurang setuju terhadap penukaran kod dalam lirik lagu adalah sebanyak 16.0%, iaitu 6 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Pada pendapat mereka, lirik yang terlalu banyak percampuran bahasa asing mengelirukan pemahamannya. Terdapat 3 orang responden lelaki dan 2 orang responden perempuan (10.0%) yang menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan penggunaan bahasa-bahasa asing

dalam lirik lagu-lagu Tamil. Sebanyak 4.0% responden (2 orang) seorang lelaki dan seorang perempuan tidak memberi apa-apa pendapat tentang hal ini.

#### 4.3.2.8 Pandangan Responden Terhadap Percampuran Kod dalam Lirik Lagu-Lagu Tamil Tempatan

Secara amnya terdapat beberapa pandangan yang diberi oleh responden terhadap penukaran kod yang berlaku dalam lirik-lirik lagu Tamil tempatan. Ada responden yang memberi pandangan positif terhadap penukaran kod yang sering berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan dan ada pula yang berpandangan negatif terhadap fenomena tersebut. Pengkaji telah meringkaskan kesemua pandangan yang diberi kepada 8 kumpulan.

**Jadual 4.10 Pandangan Responden Terhadap Percampuran Kod Dalam Lirik Lagu-Lagu Tamil Tempatan**

| Bil           | Pandangan   | Bil Responden |   | Perataus (%)  |
|---------------|---|---------------|---|---------------|
|               |   | L             | P |               |
| 1             | Merupakan pencemaran bahasa                                       | L             | 2 | 14.0          |
|               |   | P             | 5 |               |
| 2             | Penukaran kod boleh dilakukan tetapi jangan berlebihan            | L             | 1 | 10.0          |
|               |   | P             | 4 |               |
| 3             | Sedap didengar apabila dicampurkan dengan bahasa-bahasa lain.     | L             | 9 | 30.0          |
|               |   | P             | 6 |               |
| 4             | Perlu jika tiada kosa kata yang tepat dalam bahasa Tamil          | L             | 1 | 6.0           |
|               |   | P             | 2 |               |
| 5             | Tidak boleh dielakkan dalam kalangan masyarakat berbilang bahasa  | L             | 4 | 12.0          |
|               |   | P             | 2 |               |
| 6             | Menambahkan nilai sesebuah lagu apabila mempunyai bahasa Inggeris | L             | 3 | 8.0           |
|               |   | P             | 1 |               |
| 7             | Dapat membantu memudahkan pemahaman konteks lagu tersebut         | L             | 4 | 8.0           |
|               |   | P             | 0 |               |
| 8             | Tiada komen   | L             | 1 | 12.0          |
|               |   | P             | 5 |               |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>50</b>     |   | <b>100.0%</b> |

Menurut Jadual 4.10 di atas, jelas bahawa hanya terdapat satu pandangan negatif sahaja yang dikemukakan oleh responden mengenai penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan iaitu seramai 7 orang (14.0%) responden (2 orang lelaki dan 5 orang perempuan) berpendapat bahawa percampuran kod akan mencemarkan bahasa. Ini bermakna hanya 14.0% responden tidak setuju dengan berlakunya penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Pada pandangan mereka keadaan ini akan mencacatkan keindahan bahasa Tamil, malah ketulenan bahasa Tamil juga akan terjejas jika keadaan ini berterusan. Mereka berpendapat bahawa muzik adalah satu aspek yang cepat mempengaruhi pemikiran manusia. Dalam pada itu, bahasa yang digunakan dalam muzik terutamanya dalam lirik lagu-lagu Tamil seharusnya menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya. Mereka beranggapan bahawa penukaran kod sebegini akan mencemarkan keindahan bahasa Tamil. Mereka berpendapat bahawa, lirik lagu-lagu Tamil tidak semestinya dicampuradukkan dengan bahasa lain. Ini kerana, bahasa Tamil sendiri adalah suatu bahasa yang kaya dengan perbendaharaan kata.

Seramai 15 orang (30.0%) responden (9 orang lelaki dan 6 orang perempuan) berpendapat bahawa percampuran bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris lebih membantu memahami kandungan lagu, malah sedap didengar. Menurut mereka penukaran kod terutamanya dalam bahasa Inggeris, akan lebih menarik dan memudahkan pemahaman lirik sesebuah lagu. Mereka mengatakan bahawa percampuran bahasa sebegini tidak semestinya mencemarkan bahasa. Ini kerana lagu adalah satu aspek hiburan dan laras bahasa hiburan yang tidak formal adalah suatu ciri khas yang menarik dan menghiburkan pendengar.

Seramai 5 orang (10.0%) responden, (seorang lelaki dan 4 orang perempuan) didapati kurang setuju dengan penukaran kod yang kerap berlaku. Pada mereka percampuran kod masih boleh diterima, tetapi tidaklah sehingga lagu Tamil itu menjadi lagu Inggeris. Pada pandangan mereka, kebanyakan lagu-lagu Tamil tempatan yang dikenali sebagai *hip hop* sering mengutamakan penggunaan kata-kata bahasa Inggeris sehingga lagu-lagu Tamil tempatan berkelihatan seperti lagu-lagu Inggeris yang menggunakan kata-kata Tamil secara selang-seli dalam liriknya.

Selain itu, seramai 3 orang (6.0%) responden iaitu seorang lelaki dan 2 orang perempuan, pula memberi pendapat bahawa penulis lirik boleh menggunakan bahasa asing bagi menyempurnakan liriknya jika tiada kosa kata yang tepat dalam bahasa Tamil.

Pandangan seterusnya ialah masyarakat Malaysia tidak boleh mengelakkan dirinya daripada percampuran pelbagai bahasa dalam kehidupan seharian mereka. Menurut mereka, rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan menurut pelbagai bahasa. Situasi ini sudah pasti akan menyebabkan percampuran bahasa dan fenomena ini telah lama meresapi segala aspek kehidupan mereka serta tidak dapat dipisahkan walau apa jua cara sekalipun.

Seramai 4 orang (8.0%) responden, iaitu 3 orang lelaki dan seorang responden perempuan pula menyatakan bahawa lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang mempunyai percampuran bahasa Inggeris akan menambahkan nilai sesebuah lagu. Ini bermakna, lirik lagu-lagu Tamil yang berselang-selikan dengan bahasa Inggeris, akan dipandang tinggi nilainya berbanding dengan lagu yang liriknya dalam bahasa Tamil sepenuhnya.



Terdapat juga 8.0% responden, iaitu 4 orang lelaki yang menjelaskan bahawa percampuran bahasa akan dapat membantu ataupun memudahkan para pendengar untuk memahaminya mengikut konteks sesebuah lagu. Ini kerana, kebanyakan muda-mudi sekarang kurang fasih dalam bahasa Tamil. Mereka akan hanya memahami sepenuhnya lagu-lagu Tamil jika lirik lagu-lagu tersebut mempunyai bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

Manakala 6 orang (12.0%) responden, iaitu seorang lelaki dan 5 orang perempuan tidak memberi apa-apa komen atau pandangan terhadap penukaran kod dalam lagu-lagu Tamil tempatan.

Penganalisan data secara keseluruhannya menjelaskan bahawa para pendengar lagu-lagu Tamil tempatan secara umumnya menerima percampuran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan malah menerimanya sebagai satu keperluan dalam bidang hiburan di sesebuah negara multilingual.

#### **4.4 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, dalam bab ini, pengkaji telah menganalisis data secara terperinci untuk mencari jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab satu iaitu pertama tahap-tahap penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan, kedua kekerapan jenis bahasa asing yang digunakan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan yang dikaji, dan yang ketiga pula ialah faktor-faktor yang mendorong para penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan untuk mencampurkan atau menukarkan kod dalam penulisan mereka. Tahap-tahap percampuran kod dan kekerapan penggunaan bahasa asing dapat diketahui melalui penganalisan sebanyak

54 buah lirik lagu Tamil tempatan. Manakala, faktor-faktor berlakunya penukaran kod pula diketahui dengan menganalisis data yang diperoleh melalui temubual yang telah diadakan dengan 10 orang penulis lirik lagu Tamil tempatan di sekitar Puchong, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Selain itu, bab ini juga membincangkan mengenai data-data yang diperoleh daripada soal-selidik yang ditadbirkan dalam kalangan 50 orang responden dalam lingkungan umur 16 hingga 40 tahun. Daripada 50 orang responden tersebut, 25 orang terdiri daripada lelaki dan 25 orang terdiri daripada perempuan. Secara umumnya, soal-selidik ini dijalankan bagi mengetahui sikap para pendengar dan peminat lagu-lagu Tamil tempatan terhadap percampuran kod dalam lirik-lirik lagu yang mereka dengari. Menurut data yang diperoleh melalui soal-selidik juga, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa pandangan dan komen yang diberi oleh responden-responden tersebut. Dapatan ini dibincangkan dalam bab 5.